

25/08/2003

Syarat kepada MCA jika mahu tambahan jawatan

KUALA LUMPUR: MCA akan diberi peluang lebih besar di Pulau Pinang dengan syarat ia tidak akan menjejaskan kepentingan dan kedudukan parti komponen Barisan Nasional (BN) lain di negeri itu.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata pergeseran antara MCA dan Gerakan sudah berlaku sejak lebih 30 tahun lalu dan pihaknya sentiasa berusaha mendapatkan penambahan jawatan kerajaan di negeri itu untuk dikongsi sama.

"Saya tidak akan melakukan perkara yang dapat menjejaskan semangat BN. Yang patut bagi, kami akan bagi. Bukannya memberikan jawatan Gerakan kepada MCA atau sebaliknya, itu tak betul," katanya.

Beliau yang juga Naib Presiden Gerakan berkata demikian kepada wartawan selepas Persidangan Perwakilan Nasional Gerakan ke-32 berakhir di sini, semalam.

Koh berharap pergeseran kedua-dua parti itu akan reda melalui kerjasama antara Gerakan dan pucuk pimpinan baru MCA.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau mengingatkan MCA bahawa mereka berjaya memperjuangkan satu lagi jawatan Exco di Pulau Pinang kepada parti itu selepas pilihan raya umum 1995.

Beliau berkata, BN mendapat keputusan cemerlang pada pilihan raya umum 1995 melalui sokongan padu daripada masyarakat Cina dan India di negeri itu.

Koh berkata, beliau dan Presidennya, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berjumpa dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk meminta penambahan jumlah Exco di berikutan kejayaan cemerlang itu.

Beliau berkata, sebelum itu, pengagihan jawatan Exco di negeri itu adalah berdasarkan formula 4:2:1:1 iaitu Umno (empat), Gerakan (dua), MCA dan MIC, masing-masing satu.

"Pada mulanya saya meminta penambahan empat jawatan Exco tetapi Perdana Menteri rasa ia terlalu banyak. Jadi, beliau hanya setuju untuk tambah dua lagi jawatan Exco.

"Dua jawatan Exco itu kemudiannya diberikan secara adil kepada MCA dan Gerakan," katanya.

Dr Koh berkata, jumlah Exco di negeri itu kemudiannya meningkat daripada lapan menjadi 10 iaitu Umno (empat), Gerakan (tiga), MCA (dua) dan MIC (satu) atau formula 4:3:2:1.

Sebelum formula 4:2:1:1 itu, pembahagian jawatan Exco yang diamalkan sejak 1974 mengalami perubahan kecil daripada 4:2:1:1 kepada 5:2:1:0 pada 1986 dan 5:3:0:0 (1990).